



INSTITUTE OF QUALITY
AND KNOWLEDGE
ADVANCEMENT

e-ISSN: 2976-2596

KUALITI

EDISI JANUARI - JUN

2024

- **Bengkel Penambahbaikan Dokumen dan Instrumen Penilaian InQKA**
- **Taklimat Penulisan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) Kriteria 1 hingga 7**
- **Webinar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Modul 1 hingga 9**


eISSN 2976-2596




Taklimat
KUMPULAN INOVATIF
DAN KREATIF (KIK)
HORIZON BAHARU 2024

Webinar
KIK MODUL 1
(Penyelaras dan Fasilitator KIK UiTM)



 23 Februari 2024
(Jumaat)

 2:50 petang

 Zoom



Penceramah Taklimat KIK Horizon Baharu 2024
DR. NIK AZLIN NIK ARIFFIN
(Ketua Kecemerlangan Operasi Dan Inovasi)



Penceramah Webinar KIK Modul 1:
ENCIK SHAMSOL SHAFIE
(Pakar Rujuk KIK)

 @inqkautm

Isi Kandungan

Prakata Penolong
Naib Canselor InQKA **3**

Nota Ketua Editor **4**

Mesyuarat Kaji Semula
Pengurusan UiTM **5**

Bengkel Penambahbaikan
Dokumen dan Instrumen
Penilaian InQKA **7**

Taklimat Anugerah Kualiti
Naib Canselor (AKNC) 2024 **8**

Taklimat Penulisan
Self-Review Report (SRR) **9**

Taklimat Pelaksanaan
Audit Dalam PTJ Bersama
Ketua Sistem Audit (KSA) **10**

Sesi Perkongsian
Pelaporan AKNC bersama
Pemenang AKNC 2023 **11**

Webinar Kumpulan
Inovatif dan Kreatif (KIK)
Modul 1 hingga 9 **13**

Taklimat Kumpulan
Inovatif dan Kreatif (KIK)
UiTM Horizon Baharu 4.0 **16**

Sesi Perkongsian
Kumpulan Inovatif dan
Kreatif (KIK) Bersama
Kumpulan AgromIND **17**

Taklimat Penulisan Anugerah
Kualiti Naib Canselor (AKNC)
Kriteria 1 hingga 7 **18**

Bengkel Pengukuhan
Kompetensi Auditor Dalam
UiTM **20**

Taklimat Pelaporan
Kecemerlangan Operasi
(OE) 2024 **22**

Lawatan Penandaarasan
Universiti Teknologi
Malaysia (UTM) **23**

Bengkel Panel Penilaian
iQMS 2024 **24**

Lawatan Penandaarasan
Penggunaan Sistem
eLaporan Audit Dalam
UiTM Cawangan Negeri
Sembilan (eLANS) **25**

Taklimat Penggunaan
Sistem UFuture **27**

Lawatan Tapak Pusat
Jagaan Mahmudah
Malaysia **29**



Taklimat Pelaporan
**KECEMERLANGAN
OPERASI (OE) 2024**

Tarikh:
20 Mac 2024 (Rabu)

Masa:
9:30 pagi

Platform:
Zoom

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi
dan Kecemerlangan Operasi,
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)



Penceramah:
Puan Nurina Ahmad Jamil
(Koordinator Kecemerlangan Operasi dan Inovasi)

[f](#) [i](#) [x](#) [v](#) [in](#) @inqkautm



Prakata

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izin-Nya, penerbitan Majalah KUALITI untuk edisi Januari - Jun 2024 telah berjaya direalisasikan. Majalah ini menjadi satu wahana untuk kita menyoroti dan meraikan pelbagai pencapaian serta inisiatif InQKA, yang secara konsisten menyokong agenda kualiti UiTM untuk menjadi institusi yang diiktiraf di persada antarabangsa.

Dalam menjayakan agenda kualiti, InQKA akan terus berperanan dalam mengekalkan kecemerlangan melalui pemantapan sistem dan pemerksaan pengetahuan. Sokongan dan kerjasama daripada semua warga UiTM adalah teras utama dalam usaha kita untuk memastikan kualiti menjadi budaya yang menyeluruh, dengan impak yang dapat dirasakan pada semua peringkat organisasi.

Harapan saya agar majalah ini memberi inspirasi kepada semua warga UiTM untuk terus berkarya dan menyumbang kepada kecemerlangan universiti. Teruskan perjuangan, dan semoga kita sama-sama mencapai aspirasi UiTM sebagai institusi berkualiti dan dihormati dunia.

**Penolong Naib Canselor,
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Prof. Dr. Azizah Abdullah**



Nota Editor

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah, penerbitan Majalah KUALITI bagi edisi Januari - Jun 2024 dapat dilaksanakan dengan jayanya. Melalui dedikasi dan kerjasama semua pihak di InQKA, kami berupaya untuk menzahirkan komitmen UiTM terhadap agenda kualiti bertaraf global. Penerbitan kali ini mengetengahkan pencapaian, pembaharuan, dan inisiatif yang dilaksanakan sebagai langkah memperkukuhkan lagi sistem kualiti universiti.

Usaha UiTM untuk mencapai status "*globally respected university*" adalah agenda besar yang menuntut keutuhan nilai-nilai murni dalam semua aspek pengurusan. Di bawah pimpinan mantap dan sokongan warga UiTM, InQKA akan terus memastikan keberkesanan serta keselarasan dalam pelaksanaan dasar dan prosedur, selari dengan aspirasi kualiti global.

Selamat membaca dan bersama-sama kita melangkah lebih jauh ke hadapan demi kejayaan dan kecemerlangan UiTM.

Ketua Editor KUALITI

Dr. Wan Hartini Wan Zainodin

Ketua Komunikasi dan Pengembangan Ilmu



Mesyuarat Kaji Semula

Pengurusan UiTM

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) selaku sekretariat kepada jawatankuasa kaji semula pengurusan telah mengadakan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) pada 4 Januari 2024 melalui platform *zoom meeting*. Mesyuarat pada kali ini dipengerusikan oleh YBhg. Datin Profesor Suzana Sulaiman, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

Objektif MKSP ini diadakan adalah untuk mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti UiTM. Seterusnya dari hasil dapatan MKSP ini adalah untuk penambahbaikan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti UiTM dan keberkesanan proses yang terlibat. Di samping itu, ianya juga untuk penambahbaikan produk atau perkhidmatan berkaitan dengan keperluan pelanggan serta keperluan sumber meliputi aspek perancangan sumber manusia dan pembangunan fizikal.




Agenda yang dibincangkan dalam MKSP adalah seperti yang termaktub di dalam Manual Kualiti UiTM iaitu melibatkan agenda berikut:

1. Pendahuluan/Kata Alu-aluan Pengerusi
2. Pengesahan Minit Mesyuarat Yang Lepas
3. Perkara Berbangkit
4. Laporan *Certificate Renewal Audit*, ISO 9001:2015
5. Pembentangan Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (JKSP)
6. Hal-hal Lain



Intipati utama yang dibincangkan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan adalah berkaitan dengan Objektif Kualiti UiTM. Terdapat tiga (3) Objektif Kualiti UiTM yang akan disemak semula kerana telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan dan ada juga yang perlu disemak semula untuk memastikan KPI yang ditetapkan adalah realistik dan boleh dicapai serta memberikan impak positif kepada UiTM.

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah menutup mesyuarat dengan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak InQKA, khususnya kepada YBhg. Profesor Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA dan YBrs. Prof. Madya Ts. Dr.-Ing Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi yang telah membuat membentangkan pelaporan MKSP serta semua yang hadir dalam memberikan cadangan dan pandangan bernas dalam memantapkan Sistem Pengurusan Kualiti UiTM.



Bengkel Penambahbaikan Dokumen dan Instrumen Penilaian InQKA

Disediakan oleh: Fateen Ilani Kamarudin

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah mengadakan Bengkel Penambahbaikan Dokumen dan Instrumen Penilaian InQKA pada 16 hingga 18 Januari 2024. Bengkel ini bertujuan untuk melaksanakan:

i. Pembentukan dan pemurnian dokumen penilaian bagi tujuan akreditasi *ASEAN University Network-Quality Assurance (AUN-QA)* dan akreditasi program melalui mod pengajian *Open Distance Learning (ODL)*.

ii. Pemurnian dokumen *Quality Assurance and Enhancement Policy (QAEP)*

iii. Pemurnian instrumen penilaian Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC), instrumen penilaian Kecemerlangan Operasi (OE) dan instrumen penilaian Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

iv. Membentuk dan memacu kecemerlangan InQKA dengan mengukuhkan keserakanan semua staf InQKA agar dapat melaksanakan aktiviti yang dirancang dengan lebih sistematik dan terkehadapan

Alhamdulillah bengkel ini berjalan dengan jayanya dan menjadi harapan semua agar setiap staf InQKA menjalankan tugas dengan lebih efisien dan amanah pada masa akan datang.





Taklimat

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR (AKNC) 2024



PENCERAMAH

Prof. Madya Ts. Dr. -Ing
Shahrul Azam Abdullah

Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi
dan Kecemerlangan Operasi



TARIKH

31 JANUARI 2024 (RABU)



MASA

10:00 PAGI



PLATFORM

Zoom


[Globe](#) [Facebook](#) [Instagram](#) [Twitter](#) [YouTube](#) [LinkedIn](#) @inqkautm

Disediakan oleh: Mariani Ali

Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) UiTM mula diperkenalkan pada tahun 1996. AKNC diperkenalkan untuk memberi pengiktirafan dalam gerakan kualiti yang menyeluruh khususnya dalam kalangan warga dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di dalam UiTM. Pada tahun 2024, Taklimat AKNC yang juga merupakan acara tahunan sebelum pertandingan AKNC bermula telah diadakan pada 31 Januari 2024.

Taklimat AKNC 2024 telah disampaikan oleh Prof. Madya Ts. Dr. -Ing Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, InQKA. Taklimat ini menerangkan berkenaan penambahbaikan terhadap garis panduan dan pelaksanaan AKNC pada tahun 2024 berdasarkan maklumbalas warga UiTM yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan AKNC sepanjang tahun 2023 lalu.

Turut hadir secara maya dalam taklimat ini adalah Profesor Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA yang telah menyampaikan ucapan aluan dengan harapan taklimat ini dapat membantu warga UiTM dalam menyediakan laporan AKNC 2024 dan penerangan komprehensif yang diberikan semestinya akan memudahkan warga UiTM dalam aspek penulisan laporan AKNC dan juga penggunaan sistem i-AKNC.



Taklimat Penulisan
**SELF-REVIEW
REPORT (SRR)**

1 Februari 2024 | 9:30 pagi | Zoom

Penceramah:
Ts. Dr. Razulaimi Razali
Ketua Pengurusan Kualiti

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

@inqkaitm

Disediakan oleh: Mariani Ali

Self Review Report (SRR) disediakan oleh setiap PTJ di UiTM yang menjalankan program akademik. Dokumen ini bertujuan mengukur dan menyemak serta mengenalpasti kemampuan PTJ dalam melaksanakan program akademik dari segi kelebihan dan kelemahan bagi proses perkongsian dan tambah baik.

Pada 1 Februari 2024, Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO) telah mengadakan Taklimat Penulisan *Self-Review Report (SRR)* yang disampaikan oleh Ts. Dr. Razulaimi Razali, Ketua Pengurusan Kualiti InQKA.

Sejak tahun 2020, SRR yang disediakan merujuk kepada dokumen *Guide on Compliance Evaluation for Self-Accreditation Universities* yang dikeluarkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) pada tahun 2020. Dokumen SRR juga menjadi rujukan utama kepada panel-panel bagi pelaksanaan Penilaian Luar iQMS.

Taklimat ini diadakan bertujuan untuk:

- Menjelaskan format dan klausa SRR yang terkini.
- Menjelaskan cara yang betul bagi penulisan laporan dalam:
 - Menjawab klausa secara tepat dan spesifik
 - Menyatakan bukti secara tepat
 - Penyusunan bukti yang selaras dengan laporan yang dinyatakan
 - Menyertakan bukti selaras dengan laporan yang dinyatakan





TAKLIMAT PELAKSANAAN AUDIT DALAM PTJ

BERSAMA KETUA SISTEM AUDIT (KSA)




Penceramah:
Ts. Dr. Razulaimi Razali
(Ketua Pengurusan Kualiti)

 21 Februari 2024 (Rabu)

 9:30 pagi - 12:30 tengah hari

 Zoom

 @inqkautm

TAKLIMAT PELAKSANAAN AUDIT DALAM PTJ BERSAMA KETUA SISTEM AUDIT (KSA)

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Taklimat Pelaksanaan Audit Dalam PTJ Bersama Ketua Sistem Audit (KSA) pada 21 Februari 2024 melalui platform *zoom meeting*. Penceramah bagi sesi taklimat ini adalah Ts. Dr. Razulaimi Razali iaitu Ketua Pengurusan Kualiti, InQKA, UiTM Shah Alam.

Objektif utama taklimat ini diadakan adalah untuk:

1. Pelarasan penggunaan tema audit dalam di PTJ yang telah ditetapkan bagi tempoh lima (5) tahun
2. Pelaksanaan audit dalam PTJ perlu merujuk kepada dokumen MS ISO 9001:2015
3. Penggunaan templat *Integrated Internal Audit (TeiCA)* untuk pelaporan audit dalam PTJ

Taklimat ini juga bertujuan sebagai persediaan awal kepada KSA untuk membuat perancangan bagi melaksanakan audit dalam di PTJ masing-masing. PTJ perlu melaksanakan audit dalam sekurang-kurangnya sekali setahun.

Dokumen rujukan utama yang perlu digunakan adalah MS ISO 9001:2015, *Self-Review Report Clauses 2024* dan SWA Instrument yang melibatkan empat (4) *Area Compliance Evaluation for Self-Accreditation Universities*.

Pelaksanaan audit dalam ini adalah bertumpu kepada ISO 9001:2015 dan Manual Kualiti PTJ serta fokus kepada fungsi-fungsi jabatan di PTJ.

Seramai 42 KSA dari seluruh kampus cawangan UiTM yang telah dilantik menyertai sesi taklimat ini.

Dengan menyertai sesi taklimat ini diharap semua KSA yang telah dilantik mampu menjalankan sesi audit dalam di PTJ masing-masing dengan lebih mantap dan berkesan mengikut standard yang telah ditetapkan.

Sesi Perkongsian

Pelaporan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) bersama Pemenang AKNC 2023
(UiTM Cawangan Sarawak, Fakulti Farmasi, Fakulti Sains Gunaan dan Fakulti Sains Kesihatan)

Disediakan oleh: Mariani Ali

Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO), InQKA telah menganjurkan dua siri sesi perkongsian bersama pemenang AKNC 2023 secara dalam talian melalui platform Zoom.

Sesi perkongsian ini bertujuan untuk berkongsi ilmu dan pengalaman bersama pemenang AKNC 2023 dari segi perancangan, penulisan, pemilihan bidang tumpuan dan pelaporan AKNC sehingga ke pentas finalis serta mampu dalam memberi gaya persembahan terbaik di sesi pembentangan akhir.

Di samping itu, sesi perkongsian ini juga sebagai satu penyuntik semangat kepada warga dan PTj serta memupuk budaya penghasilan penulisan AKNC yang bermutu.





Sesi Perkongsian
Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC)
bersama
UiTM Cawangan Sarawak & Fakulti Farmasi

Tarikh : 21 Februari 2024 (Rabu)
Masa : 2:30 petang
Platform : Zoom

 @inqkautm




SESI PERKONGSIAN PELAPORAN
ANUGERAH KUALITI
NAIB CANSELOR (AKNC)
bersama Fakulti Sains Gunaan dan Fakulti Sains Kesihatan



Tarikh: 28 Mei 2024 (Selasa) **Masa:** 9:30 pagi

Platform: Zoom **Anjuran:** Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO), Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

 @inqkautm

Perincian sesi perkongsian ini adalah sebagaimana jadual berikut:

Tarikh	Pemenang AKNC 2023	Penceramah
21 Februari 2024	UiTM Cawangan Sarawak <ul style="list-style-type: none"> • Juara Kategori UiTM Cawangan • Pemenang Kategori Kriteria Pengukuran Analisa Dan Pengurusan Pengetahuan • Pemenang Kategori Kriteria Tumpuan Kepada Operasi • Pemenang Kategori Kriteria Hasil • Pemenang Kategori Bidang Tumpuan Pengurusan Dan Pembangunan Pelajar 	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Yussri Sawani
	Fakulti Farmasi <ul style="list-style-type: none"> • Naib Juara Kategori Fakulti/Kolej Pengajian • Pemenang Kategori Kriteria Kepimpinan • Pemenang Kategori Kriteria Perancangan Strategik • Pemenang Kategori Kriteria Tumpuan Kepada Pelanggan • Pemenang Kategori Kriteria Tumpuan Kepada Sumber Manusia 	<ul style="list-style-type: none"> • Dr. Norazlina Ahmad • Dr. Normala Abd. Latip
28 Mei 2024	Fakulti Sains Kesihatan <ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Pembentangan Terbaik 	<ul style="list-style-type: none"> • Dr. Emmy Hainida Khairul Ikram
	Fakulti Sains Gunaan <ul style="list-style-type: none"> • Juara Keseluruhan AKNC 2023 • Juara Kategori Fakulti/Kolej Pengajian • Pemenang Kategori Bidang Tumpuan Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersilan 	<ul style="list-style-type: none"> • Prof Madya Ts. Dr Rosdiyana Hasham@Hisam • Dr Lyena Watty Zuraine Ahmad • Ts. ChM. Dr Wan Nazihah Wan Ibrahim

WEBINAR

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU

MODUL 1 HINGGA 9

Disediakan oleh: Mariani Ali

Universiti Teknologi MARA

Taklimat
KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU 2024

Webinar
KIK MODUL 1
(Penyelaras dan Fasilitator KIK UiTM)

23 Februari 2024
(Jumaat)

2:50 petang

Zoom

DR. NIK AZLIN NIK ARIFFIN
(Ketua Kecemerlangan Operasi Dan Inovasi)

ENCIK SHAMSOL SHAFIE
(Pakar Rujuk KIK)

@inqkautm

Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO), InQKA telah menganjurkan sembilan (9) sesi Webinar Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Modul 1 hingga 9 yang dijalankan secara dalam talian melalui platform zoom. Penceramah bagi sesi webinar ini adalah terdiri daripada Pakar Rujuk KIK UiTM daripada seluruh sistem UiTM.

Tujuan webinar ini adalah untuk memantapkan lagi pemahaman para peserta tentang KIK Horizon Baharu UiTM 4.0.

Universiti Teknologi MARA

WEBINAR KIK MODUL 2 & 3

Webinar KIK Modul 2 : **Pengenalan Projek KIK**
Webinar KIK Modul 3 : **Dokumentasi dan Penilaian Projek KIK**

Penceramah KIK Modul 2:
Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya Mohd
Pakar Rujuk KIK

Penceramah KIK Modul 3:
Encik Husaini Ab. Razab
Pakar Rujuk KIK

Tarikh: 19 Mac 2024 (Selasa)
Masa: 9:00 pagi
Platform: Zoom

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

@inqkautm

Universiti Teknologi MARA

WEBINAR KIK MODUL 4

Modul 4 : **Design Thinking (DT)**

Penceramah:
Tuan Ir. Hj. Anuar Hashim
Pakar Rujuk KIK
UiTM Shah Alam

Tarikh: 15 Mei 2024 (Rabu)
Masa: 2:30 petang
Platform: Zoom

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

@inqkautm

Webinar ini juga diadakan bagi membantu para peserta dalam penyediaan dokumen KIK yang lebih berkualiti bagi mencapai inisiatif utama Perancangan Strategik UiTM 2025 untuk menghasilkan projek KIK yang berimpak tinggi bagi tujuan pertandingan konvensyen KIK di peringkat UiTM mahu pun di peringkat Universiti Awam dan peringkat Antarabangsa. Perincian webinar KIK ini adalah sebagaimana jadual berikut:

Bil	Tarikh	Aktiviti	Penceramah
1	23 Februari 2024	Webinar KIK Modul 1: Penyelaras dan Fasilitator KIK UiTM	Encik Shamsol Shafie
2	19 Mac 2024	Webinar KIK Modul 2: Pengenalan Projek KIK	Prof. Madya Sr. Dr. Thuraiya Mohd
3	19 Mac 2024	Webinar KIK Modul 3: Dokumentasi dan Penilaian Projek KIK	Encik Husaini Ab. Razab
4	15 Mei 2024	Webinar KIK Modul 4: Design Thinking (DT)	Tuan Hj. Anuar Hashim
5	16 April 2024	Webinar KIK Modul 5: Intervensi Projek KIK - PDCA	Cik Zuraini Jusoh
6	5 Jun 2024	Webinar KIK Modul 6: Blue Ocean Strategy (BOS)	Puan Azura Abdul Jamil@Kamarudzzaman
7	24 Jun 2024	Webinar KIK Modul 7: Pengembangan Projek KIK UiTM	Dr. Mohd Idzwan Mohd Salleh
8	25 Jun 2024	Webinar KIK Modul 8: Modul Harta Intelek dan Hak Cipta	Encik Al-Bakri Mohamad @ Ahmad Dr. Farizah Mohamed Isa Dr. Muhamad Helmi Muhamad Khair
9	26 Jun 2024	Webinar KIK Modul 9: Modul Pembentangan Projek KIK	Ts. Mohamed Syazwan Osman



WEBINAR KIK MODUL 5
Webinar KIK Modul 5 : PDCA



Penceramah KIK Modul 5:
Cik Zuraini Jusoh
Pakar Rujuk KIK
UiTM Cawangan Terengganu

Tarikh: 16 April 2024 (Selasa)
Masa: 9:00 pagi
Platform: Zoom

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu
Universiti Teknologi MARA

 @inqkautm



WEBINAR KIK MODUL 6
Webinar KIK Modul 6 : Blue Ocean Strategy (BOS)



Penceramah:
Puan Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman
Pakar Rujuk KIK
UiTM Cawangan Johor

Tarikh: 5 Jun 2024 (Rabu)
Masa: 2:30 petang
Platform: Zoom

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (INQKA)

 @inqkautm



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

WEBINAR KIK MODUL 7

Webinar KIK Modul 7 : Pengembangan Projek KIK UiTM



Penceramah KIK Modul 7:
Dr. Mohd Idzwan Mohd Salleh
Pakar Rujuk KIK
UiTM Shah Alam

Tarikh: 24 Jun 2024 (Isnin)
Masa: 9:00 pagi
Platform: Zoom

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

@inqkaitm



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

WEBINAR KIK MODUL 8

Webinar KIK Modul 8 : Harta Intelekt dan Hak Cipta



Encik Al-Bakri Mohamad @ Ahmad
Pakar Rujuk KIK
UiTM Cawangan Negeri Sembilan

Dr. Farizah Mohamed Isa
Timbalan Pengarah Perundangan dan
Pengurusan Harta Intelekt
Pusat Pengkomersian Inovasi & Teknologi
Perdagangan (IPICOM)

Dr. Muhamad Helmi Muhamad Khair
Koordinator Harta Intelekt
Pusat Pengkomersian Inovasi & Teknologi
Perdagangan (IPICOM)

Tarikh: 25 Jun 2024 (Selasa)
Masa: 9:00 pagi
Platform: Zoom

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

@inqkaitm



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

WEBINAR KIK MODUL 9

Webinar KIK Modul 9 : Pembentangan Projek KIK



Penceramah KIK Modul 9:
Ts. Mohamed Syazwan Osman
Pakar Rujuk KIK
UiTM Cawangan Pulau Pinang

Tarikh: 26 Jun 2024 (Rabu)
Masa: 9:00 pagi
Platform: Zoom

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

@inqkaitm

TAKLIMAT KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) UiTM HORIZON BAHARU

Disediakan oleh: Mariani Ali



Taklimat Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UiTM Horizon Baharu 4.0 telah diadakan pada 23 Februari 2024 secara dalam talian melalui platform Zoom. Taklimat ini telah disampaikan oleh Dr. Nik Azlin Nik Ariffin, Ketua Kecemerlangan Operasi dan Inovasi, InQKA.

Objektif taklimat ini adalah untuk memberi maklumat yang terkini berkenaan tarikh dan aktiviti KIK UiTM yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2024. Disamping itu, taklimat ini juga menerangkan perubahan penilaian dan dokumentasi yang perlu dibuat oleh peserta KIK yang berbeza dari tahun-tahun sebelum ini serta memberi pendedahan kepada para penggiat KIK tentang KIK HB 4.0.

Turut hadir secara maya dalam taklimat ini adalah Profesor Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA yang telah menyampaikan ucapan aluan dengan harapan taklimat ini dapat membantu warga UiTM dalam menyediakan perancangan dan pelaporan dokumentasi KIK 2024.

The poster features the UiTM logo at the top left. The main title is 'Taklimat KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) HORIZON BAHARU 2024 & Webinar KIK MODUL 1 (Penyelaras dan Fasilitator KIK UiTM)'. It includes a calendar icon for '23 Februari 2024 (Jumaat)', a clock icon for '2:50 petang', and a Zoom icon. Two speakers are listed: 'DR. NIK AZLIN NIK ARIFFIN (Ketua Kecemerlangan Operasi Dan Inovasi)' and 'ENCIK SHAMSOL SHAFIE (Pakar Rujuk KIK)'. Social media icons for Facebook, Instagram, X, and YouTube are at the bottom, along with the handle '@inqkautm'. The background shows a hand holding a glowing lightbulb against a sunset sky.



SESI PERKONGSIAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) BERSAMA KUMPULAN AgroMIND, JUARA KIK UiTM 2023

Disediakan oleh: Mariani Ali

Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO), InQKA telah menganjurkan Sesi Perkongsian Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Bersama Kumpulan AgroMIND pada 27 Februari 2024 secara dalam talian melalui platform zoom.



Sesi Perkongsian KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

bersama Kumpulan AgroMIND (JUARA KIK UiTM 2023)



27 Februari 2024 (Selasa)



9:30 pagi



Zoom



[@inqkautm](#)



Sehubungan dengan itu, sesi perkongsian ini telah disampaikan oleh Dr. Nur Suraya Abdullah dan Puan Amirah Hamid mewakili Kumpulan AgroMIND. Sesi perkongsian KIK ini adalah bertujuan untuk berkongsi berkenaan pengalaman, cabaran dan perjalanan aktiviti kumpulan AgroMIND yang telah telah berjaya memenangi Johan Keseluruhan Konvensyen KIK peringkat UiTM pada tahun 2023. Selain itu, perkongsian ini juga sebagai satu penyuntik semangat kepada warga UiTM serta memupuk budaya kerjasama serta penghasilan dokumentasi yang memenuhi kehendak rubrik.

Tahniah dan Syabas diucapkan kepada Kumpulan AgroMIND, Fakulti Perladangan dan Agroteknologi kerana telah berjaya memenangi Juara Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) serta Anugerah Dokumentasi Terbaik pada pertandingan KIK UiTM 2023. Selamat maju jaya Kumpulan AgroMIND.

TAKLIMAT PENULISAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC) KRITERIA 1 HINGGA 7

Disediakan oleh: Mariani Ali

Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO), InQKA telah menganjurkan tujuh (7) sesi Taklimat Penulisan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) Kriteria 1 hingga 7 yang dijalankan secara dalam talian melalui platform Zoom. Penceramah bagi taklimat ini adalah terdiri daripada Pakar Rujuk AKNC UiTM daripada seluruh sistem UiTM.

Taklimat ini diadakan bertujuan untuk:

- Memberi penerangan berkenaan penulisan kriteria mengikut rubrik penulisan AKNC 2024.
- Taklimat ini sebagai satu platform Pakar Rujuk untuk berkongsi cara penulisan yang bersesuaian dengan rubrik bagi menghasilkan impak tulisan yang berkesan di dalam sistem i-AKNC.
- Berkongsi bagaimana tulisan dalam i-AKNC dihasilkan dengan impak bukti yang bersesuaian.

Taklimat Penulisan ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC) KRITERIA 1 & 2

Penceramah bagi Kriteria 1: **Encik Abd. Razak Abu Kassim** Pakar Rujuk AKNC

Penceramah bagi Kriteria 2: **Ts. Noor Faizalfarid Mohd Noor** Pakar Rujuk AKNC

Tarikh: 29 Februari 2024 | Masa: 2:15 petang | Platform: Zoom

Anjuran: Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

@inqkautm

Taklimat Penulisan ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC) KRITERIA 3 & 4

Penceramah bagi Kriteria 3: **Encik Hadzli Ishak** Pakar Rujuk AKNC

Penceramah bagi Kriteria 4: **Dr. Shatina Saad** Pakar Rujuk AKNC

Tarikh: 14 Mac 2024 (Khamis) | Masa: 9:00 pagi | Platform: Zoom

Anjuran: Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO), Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

@inqkautm

Taklimat Penulisan ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC) KRITERIA 5

Kriteria 5: **Tumpuan kepada Sumber Manusia**

Penceramah: **Ts. Siti Fatahiyah Mahamood** (Pakar Rujuk AKNC)

Tarikh: 21 Mac 2024 (Khamis) | Masa: 9:00 pagi | Platform: Zoom

Anjuran: Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO), Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

@inqkautm

UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Taklimat Penulisan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR (AKNC) KRITERIA 6 & 7

Kriteria 6 : **Tumpuan kepada Operasi**
Kriteria 7 : **Hasil**



Penceramah bagi Kriteria 6:
Puan Hairani Wahab
(Pakar Rujuk AKNC)



Penceramah bagi Kriteria 7:
Prof. Madya Dr. Mohamad Fariz Mohamad Taib
(Pakar Rujuk AKNC)



Tarikh:
23 April 2024
(Selasa)



Masa:
2:30 petang



Platform:
Zoom

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)


[@inqkautm](#)


Perincian taklimat ini adalah sebagaimana jadual berikut:

Tarikh	Kriteria	Penceramah
29 Februari 2024	Kriteria 1 : Kepimpinan	Encik Abd. Razak Abu Kassim
	Kriteria 2 : Perancangan Strategik	Ts. Noorfaizalfarid Md Noor
14 Mac 2024	Kriteria 3 : Tumpuan Kepada Pelanggan	Encik Hadzli Ishak
	Kriteria 4 : Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan	Dr. Shatina Saad
21 Mac 2024	Kriteria 5 : Tumpuan Kepada Sumber Manusia	Ts. Siti Fatahiyah Mahamood
23 April 2024	Kriteria 6 : Tumpuan Kepada Operasi	Puan Hairani Wahab
	Kriteria 7 : Hasil	Prof. Madya Dr. Mohamad Fariz Mohamad Taib

BENGGKEL PENGUKUHAN KOMPETENSI AUDITOR DALAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

 **Tarikh** : 7 Mac 2024 (Khamis)

 **Masa** : 9:00 pagi

 **Platform** : Zoom

 **Anjuran** : Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Bengkel Pengukuhan Kompetensi Auditor Dalam UiTM pada 7 Mac 2024 melalui platform zoom meeting. Ucapan alu-aluan telah diberikan oleh Prof. Madya Dr. Kamarularifin Abd. Jalil iaitu Pengarah Jaminan Kualiti Akademik bagi mewakili Penolong Naib Canselor InQKA.

Seramai empat (4) orang penceramah yang terlibat dalam bengkel ini iaitu:

1. Pn. Noor Shima Antony, UiTM Cawangan Sarawak (**Sesi Perkongsian Amalan Audit Dalam**)
2. Ts. Dr. Razulaimi Razali, Ketua Pengurusan Kualiti InQKA dan Ts. Mohd Norafizal Abd Aziz, UiTM Cawangan Pahang (**Sesi Perkongsian Pengukuhan Penggunaan Sistem TelCA**)
3. Prof. Madya Sr. Dr. Kartina Alauddin, Ketua Sistem Audit Korporat UiTM (**Sesi Perkongsian Penyediaan Manual Kualiti (MK)**)

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk:

1. Memperkukuhkan pengetahuan peserta dari aspek kriteria dan etika sebagai Auditor Dalam.
2. Melatih peserta untuk melaksanakan aktiviti audit dengan lebih berkesan dalam penulisan pelaporan menggunakan Templat of Integrated Internal Corporate (TelCA).
3. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penulisan Manual Kualiti PTJ agar lebih mantap dan mencapai standard yang ditetapkan.

Pelaksanaan audit merupakan aktiviti yang perlu diadakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun bagi memastikan semua prosedur dan proses kerja yang dijalankan adalah mengikut keperluan ISO 9001:2015. Standard ini merupakan panduan untuk memastikan sistem pengurusan kualiti yang diamalkan adalah memenuhi keperluan pelanggan dan pihak-pihak yang berkaitan. Oleh yang demikian, bengkel ini merupakan 'refreshment knowledge' kepada semua yang hadir.

Pelaksanaan audit dalam juga merujuk kepada proses yang dinyatakan dalam Manual Kualiti PTJ. Oleh yang demikian, para auditor perlu melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan setiap proses yang dilaksanakan di PTJ adalah betul dan mengikut dasar yang ditetapkan.

Ini adalah penting dalam menilai keberkesanan sistem pengurusan kualiti dan mengenalpasti peluang-peluang untuk penambahbaikan berterusan.


Pejabat Bendahari UiTM merupakan PTJ pertama yang telah menggunakan Sistem TelCA bermula tahun 2021. Skop menggunakan sistem ini telah diperluaskan lagi apabila InQKA telah menggunakan sistem TelCA dalam pelaporan Audit Dalam Korporat UiTM mulai tahun 2023.

Oleh yang demikian, pelaksanaan bengkel ini juga adalah untuk memberikan pendedahan secara rasmi mengenai pelaksanaan penggunaan Sistem TelCA yang seragam di semua PTJ mulai tahun 2024. Semua pelaporan audit dalam TelCA ini akan dipantau sepenuhnya oleh pihak InQKA.


Bermula tahun 2024, InQKA juga telah menetapkan tema yang seragam bagi Audit Dalam PTJ. Tema Audit Dalam 2024 adalah 'Pemantapan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) PTJ', maka setiap PTJ perlu mengemaskini Manual Kualiti agar selari dengan tema pada tahun ini. Pengemaskinian tersebut perlulah sejajar dengan proses dan dasar di PTJ.

Bengkel yang diadakan selama satu (1) ini, bermula jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang telah dihadiri oleh seramai 257 peserta di kalangan Ketua-ketua Unit Kualiti (KUK), Ketua-ketua Sistem Audit (KSA) PTJ dan barisan Auditor PTJ dari seluruh kampus cawangan UiTM.

Dengan penganjuran bengkel ini, semua KUK, KSA dan para Auditor beroleh ilmu pengetahuan yang baharu serta bermanfaat bagi memantapkan kemahiran serta kompetensi dalam melaksanakan tugas sebagai Auditor untuk Audit Dalam PTJ bagi tahun 2024.




PANDUAN PENGGUNA
TEMPLATE OF INTEGRATED
INTERNAL CORPORATE AUDIT
(TEICA)
VERSI 1.6 (2024)
UNTUK AUDIT DALAM UiTM




Taklimat Pelaporan **KECEMERLANGAN OPERASI (OE) 2024**

 **Tarikh:**
20 Mac 2024 (Rabu)

 **Masa:**
9:30 pagi

 **Platform:**
Zoom

 **Anjuran:**
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi
dan Kecemerlangan Operasi,
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)



Penceramah:
Puan Norina Ahmad Jamil
(Kordinator Kecemerlangan Operasi dan Inovasi)

TAKLIMAT PELAPORAN KECEMERLANGAN OPERASI (OE) 2024

Disediakan oleh: Mariani Ali

InQKA telah melaksanakan aktiviti Kecemerlangan Operasi bagi tujuan penambahbaikan dan pementapan proses sedia ada di PTJ seluruh UiTM sejak dari tahun 2016.

Kesinambungan daripada pencapaian projek yang telah dilaksanakan, Prof. Madya Ts. Dr.-Ing Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, InQKA dalam ucapan aluan Taklimat Pelaporan Kecemerlangan Operasi (OE) 2024 menyatakan bahawa Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO) meneruskan pelaksanaan Kecemerlangan Operasi pada tahun 2024 agar penambahbaikan proses akan terus menjadi amalan yang berterusan di setiap PTJ seluruh sistem UiTM.

Taklimat Pelaporan Kecemerlangan Operasi (OE) 2024 telah disampaikan oleh Puan Norina Ahmad Jamil, Koordinator Kecemerlangan Operasi dan Inovasi pada 14 Mac 2024 (Khamis) secara dalam talian bagi mencapai objektif berikut:

- PTJ mendapat input mengenai teknik mengenalpasti proses kerja yang memerlukan penambahbaikan;
- Memberi kefahaman bagaimana penambahbaikan proses mampu dilaksanakan dan boleh mencapai kecemerlangan operasi;
- Memberi pengetahuan teknik dan tools yang boleh digunakan untuk penambahbaikan proses.
- Membolehkan peserta melaksanakan penambahbaikan proses di PTJ dengan lebih sistematik.
- Menerapkan budaya penjimatan melalui penambahbaikan berterusan di PTJ masing-masing.



Lawatan Penandaarasan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ke InQKA

Disediakan oleh: Fateen Ilani Kamarudin

Pada 17 April yang lalu, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), UiTM telah menerima kunjungan daripada Unit SPK dan Pembudayaan Kualiti, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang bertujuan untuk melihat pelaksanaan sistem Pengurusan Kualiti dan Inovasi di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Delegasi UTM diwakili oleh Puan Hartini Darsono, Puan Sabrina Ibrahim, Puan Siti Zarinah Abdul Jalal dan Encik Mohd Sufian Nooralazam.

Ucapan aluan dan pembentangan pengenalan UiTM dan InQKA telah disampaikan oleh YBrs. Prof. Dr. Azidah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA. Seterusnya sesi perkongsian pelaksanaan dan pengurusan Sistem Pengurusan Kualiti, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Kecemerlangan Operasi dan Anugerah Kualiti Naib

Canselor (AKNC) di UiTM telah disampaikan oleh Prof. Madya Ts. Dr.-Ing. Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi, InQKA. Diharapkan kerjasama ini dapat memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak untuk meningkatkan pengurusan kualiti dan inovasi di UTM dan UiTM pada masa akan datang.



Bengkel Panel Penilaian iQMS 2024

Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

BENGKEL
PANEL PENILAIAN LUAR
INTEGRATED QUALITY MANAGEMENT SYSTEM (iQMS)

18 APRIL 2024 | 8:00 pagi | Zoom
(Khamis)

Anjuran:
Unit Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO),
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)

Penceramah:
Ts. Dr. Razulaimi Razali
(Ketua Pengurusan Kualiti)

Penceramah:
Ts. Mohd Norafizal Abd Aziz
(Pensyarah Kanan, UiTM Cawangan Pahang)

@inqkautm

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) telah menganjurkan Bengkel Panel Penilaian iQMS 2024 pada 18 April 2024 melalui platform zoom meeting.

Sesi bengkel ini telah dimulakan oleh Prof. Madya Ts. Dr.-Ing. Shahrul Azam Abdullah iaitu Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi (PKIKO). Beliau menerangkan hala tuju proses penilaian iQMS 2024 adalah untuk menyemak dan mengesahkan penambahbaikan penemuan-penemuan iQMS Kitaran 6/2023.

Sementara itu, ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Prof. Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA dengan tajuk '**Hala Tuju Penilaian iQMS Kitaran 7 dalam Mendukung Universiti Berstatus Swaakreditasi**'.

Dalam ucapan tersebut beliau yakin dengan usaha bersama, InQKA akan terus meningkatkan standard kualiti UiTM dan menyumbang kepada pembangunan negara melalui pendidikan berkualiti. Beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam proses Penilaian iQMS untuk Kitaran 7 bagi tahun 2024.

Seramai dua (2) orang penceramah yang terlibat dalam bengkel ini iaitu:

1. Ts. Dr. Razulaimi Razali

(Ketua Pengurusan Kualiti, InQKA)

Taklimat 1: Kriteria Penilaian iQMS Kitaran 7/2024

Taklimat 2: Penulisan Laporan ER iQMS 2024

Taklimat 3: Proses Pelaksanaan ER iQMS Kitaran 7/2024

2. Ts. Mohd Norafizal Abd Aziz

(Pensyarah Kanan, UiTM Cawangan Pahang)

Taklimat: Penggunaan ERIS Versi 4.0

Bengkel yang diadakan selama satu (1) ini, bermula jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang telah dihadiri oleh seramai 107 peserta di kalangan Ketua-ketua Unit Kualiti (KUK), Panel Penilai iQMS dari seluruh kampus cawangan UiTM.

Dengan penganjuran bengkel ini, semua KUK dan Panel Penilai iQMS dapat mengasah semula pengetahuan yang telah tumpul dan menambah pengetahuan baharu berkaitan penggunaan klausa penilaian yang telah ditambahbaik dan penggunaan ERIS versi 4.0.



Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

Lawatan Penandaarasan Penggunaan Sistem eLaporan Audit Dalam

UiTM Cawangan Negeri Sembilan (eLANS)

Pada 7 Mei 2024, satu lawatan penandaarasan telah diadakan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah oleh pihak Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) terhadap pelaksanaan Sistem Pelaporan Audit Dalam UiTM Cawangan Negeri Sembilan, dikenali sebagai eLANS. Projek ini merupakan salah satu inisiatif yang berdaftar di bawah Kecemerlangan Operasi, dan juga penerima Anugerah Naib Johan bagi Kategori Pentadbiran dan Kewangan serta Poster Terbaik Kecemerlangan Operasi UiTM sempena Hari Kemuncak Inovasi UiTM 2023.



Sesi lawatan diketuai oleh Prof. Madya Ts. Dr.-Ing. Shahrul Azam Abdullah, Pengarah Pengurusan Kualiti, Inovasi dan Kecemerlangan Operasi dan Ts. Dr. Razulaimi Razali, Ketua Pengurusan Kualiti InQKA telah disambut oleh Prof. Madya Ts. Dr. Noorlis Ahmad, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Prof. Madya ChM. Dr. Nur Nadia Dzulkifli, Ketua Unit Kualiti serta ahli kumpulan Smart AuRENS.



Sesi dimulakan dengan taklimat mengenai Sistem eLANS oleh Dr. Wan Elina Faradilla Wan Khalid, Ketua Kumpulan Smart AuRENS.

Beliau menjelaskan bahawa idea pembangunan eLANS timbul selepas penutupan Sistem e-Pelaporan Audit Dalam UiTM (SePADU) pada Oktober 2020.

Pembangunan eLANS bermula pada tahun 2020 dan mula digunakan pada Audit Dalam tahun 2021, dengan penambahbaikan berterusan sehingga kini. Sehingga tahun 2022, semua analisis dan pelaporan audit di UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menggunakan eLANS.

Sistem eLANS adalah laporan audit yang dijana secara atas talian menggunakan perisian autocrat yang mengaplikasikan kaedah gabungan mel (mail merge). Ini membolehkan laporan diakses secara terus oleh auditor dan auditee melalui laman sesawang eLANS.

Kelebihan penggunaan eLANS adalah kemudahannya dan penjimatan masa dalam penyediaan laporan audit. Tempoh penyediaan laporan menggunakan eLANS hanya memerlukan 11 berbanding 22 hari sebelumnya, sejajar dengan prinsip pengurusan tangkas UiTM.

Projek eLANS juga telah mendapat pengiktirafan melalui penerbitan artikel dalam i-SPIKE 2023, eAccBullets 2022, dan Buletin APB 2022. Kejayaan ini diserlahkan dengan penerimaan Anugerah Emas dalam *International Exhibition & Symposium on Productivity, Innovation, Knowledge, Education & Design (i-SPIKE 2023)*.

Kesimpulannya, lawatan penandaarasan ini memberikan peluang kepada pihak InQKA untuk menilai secara dekat penggunaan Sistem eLANS, dengan harapan ia dapat diperluaskan ke kampus-kampus UiTM yang lain. Keberkesanan eLANS dalam mempercepat dan mempermudah proses pelaporan audit menjadi contoh terbaik inovasi dalam pengurusan kualiti di UiTM.




TAKLIMAT PENGUNAAN SISTEM UFUTURE

21 Mei 2024 (Selasa) | 2:30 - 4:30 petang | Bilik Seminar InQKA
Anjuran: Unit Pentadbiran & ICT,
Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA)



Penceramah:
Dr. Prasanna Ramakrisnan
Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
Institut Pendidikan Berterusan & Pengajian Profesional (iCEPS)



Disediakan oleh: Noor Azwani Asyikin Samad

InQKA telah menganjurkan Taklimat Penggunaan Sistem UFUTURE UiTM pada 21 Mei 2024. Taklimat ini telah disampaikan oleh Dr. Prasanna Ramakrisnan, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat iCEPS bersama Puan Sapura Jailani, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan dan Encik Ahmad Aizuddin Saifullah, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan.



Taklimat dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Profesor Dr. Azizah Abdullah, Penolong Naib Canselor InQKA. Dalam ucapannya, beliau menekankan bahawa tujuan utama taklimat ini adalah untuk mempersiapkan UiTM menghadapi Audit Pematuhan Swaakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang akan dijalankan dalam masa terdekat.

Selain itu, beliau turut menegaskan bahawa taklimat ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penggunaan Sistem UFuture dalam kalangan Ketua Unit Kualiti yang hadir.

Dr. Prasanna Ramakrisnan dalam sesi penerangannya menjelaskan pelbagai aspek teknikal dan fungsi Sistem UFuture, yang merupakan platform penting untuk pelaporan pengajaran dan pembelajaran pelajar UiTM.

Beliau menunjukkan bagaimana sistem ini boleh digunakan secara efektif untuk memantapkan proses pengumpulan dan pembentangan data akademik di peringkat pengurusan universiti.



Taklimat ini juga menonjolkan manfaat dan kelebihan yang ditawarkan oleh Sistem UFuture. Antara kelebihannya termasuk kemudahan dalam pengurusan data pengajaran dan pembelajaran pelajar, peningkatan ketepatan dalam pelaporan akademik terutamanya dalam pemarkahan pelajar, serta penyediaan platform maya yang lebih komprehensif yang mempunyai ciri-ciri seperti Google Meet, Zoom dan Webex membolehkan pensyarah dan pelajar berinteraksi semasa sesi kelas dalam talian dengan lancar dan interaktif. Semua ini, menurut Dr. Prasanna, adalah penting untuk memastikan UiTM sentiasa berada di tahap terbaik dalam pemantauan kualiti pendidikan.



Kesimpulannya, taklimat ini telah berjaya mencapai matlamatnya dalam meningkatkan kefahaman dan kemahiran penggunaan Sistem UFuture di kalangan peserta. Dengan pengetahuan yang diperoleh, diharapkan Ketua Unit Kualiti dapat menggunakan sistem ini dengan lebih efektif dan berkesan, seterusnya memperkukuhkan lagi tahap kualiti akademik UiTM dalam persediaan menghadapi audit MQA yang bakal tiba.



LAWATAN TAPAK

Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia

Disediakan oleh: Fateen Ilani Kamarudin

Pada 27 Mei yang lalu, Unit Komunikasi InQKA telah membuat lawatan tapak di Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia yang terletak di Semenyih, Selangor. Peningkatan jumlah bagi kes ibu bapa yang terdampar di institusi - institusi kebajikan kerajaan dan bukan kerajaan mendorong Persatuan Kebajikan Mahmudah Malaysia membina dan menyediakan tempat tinggal agar insan-insan kurang bernasib baik ini dapat merasai keselesaan tempat tinggal yang sesuai dalam menghabiskan jangka hayat mereka seperti insan lain yang mempunyai keluarga di luar sana.

Encik Muhammad Syafiq Mohiadin yang merupakan setiausaha di Pusat Jagaan tersebut sangat berbesar hati menyambut kedatangan kami dan beliau telah menerangkan dengan ringkas tentang sejarah pembinaan, objektif penubuhan, kategori-kategori penghuni yang diterima masuk, pengisian program, sumber kewangan dan keperluan harian rumah jagaan orang tua tersebut.

Kami juga di bawa melawat sekitar kawasan rumah jagaan dan menziarahi penghuni di sana. Hasil dari lawatan tapak akan dibentangkan dalam mesyuarat Program Tanggungjawab Sosial (CSR) yang bakal dijalankan nanti di Pusat Jagaan Mahmudah Malaysia.



Redaksi ✨



Prof. Dr. Azizah Abdullah
Penasihat



Dr. Wan Hartini Wan Zainodin
Ketua Editor



Norakmar Syatila Zakaria
Editor



Nur Syamimi Eryzahany Abu Mansor
Editor & Pereka Grafik



Fateen Ilani Kamarudin
Editor & Jurugambar

HAK CIPTA DAN PENAFIAN

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor. Segala informasi adalah benar dan tepat semasa penerbitan. Tiada organisasi atau mana-mana pihak boleh menyalin atau menghasilkan semula kandungan dalam majalah atau mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tanpa kebenaran bertulis daripada panel editor dan pengarang.

KUALITI adalah hak milik Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam

e-ISSN: 2976-2596

KUALITI

EDISI JANUARI - JUN

2024

ALAMAT:

Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA),
Aras 5, Blok A, Bangunan Akademik 2,
Universiti Teknologi MARA, Jalan Ilmu 1/1,
40450, Shah Alam,
Selangor

eISSN 2976-2596



9 772976 259003